



**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**KENYATAAN MEDIA**

**HAKIM AKAN MENERIMA VAKSIN**

**PUTRAJAYA** – Kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang mencukupi untuk memberikan suntikan vaksin kepada semua Hakim di negara ini. Sebagai permulaan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan akan menerima vaksin pada 31 Mei 2021 diketuai oleh Ketua Hakim Negara.

Pejabat Menteri Undang-Undang juga sedang menguruskan agar semua Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Majistret-Majistret diberikan vaksin di negeri-negeri dengan kerjasama Kerajaan Negeri-Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri berkenaan.

Kerajaan menganggap para Hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah sebagai Petugas Barisan Hadapan kerana tugas mereka yang berhubungan terus dengan orang ramai. Dengan pemberian vaksin diharap akan mengurangkan risiko pendedahan mereka kepada virus Covid-19.

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri  
(Parlimen & Undang-Undang)

25 Mei 2021